

IJM Land, Amona Group lancar Enlace Suites II

Pembangunan kediaman di Pantai Sentral Park diperluas susulan sambutan menggalakkan

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
Hazwanfaisal@bh.com.my

IJM Land Bhd bersama Amona Group melancarkan Enlace Suites II di Pantai Sentral Park, di Kuala Lumpur susulan kadar pengambilan memberangsangkan sebanyak 70 peratus membabitkan Enlace Suites I yang dilancarkan tahun lalu.

Semua unit bukan Bumiputera bagi Enlace Suites I juga sudah habis terjual, mencerminkan sambutan kukuh terhadap pembangunan projek kediaman berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif IJM Land, Datuk Tony Ling, berkata sambutan terhadap Enlace Suites I mengukuhkan keyakinan syarikat terhadap konsep pembangunan yang ditawarkan di Pantai Sentral Park.

"Maklum balas yang diterima amat menggalakkan, dengan Enlace Suites I mencapai kadar pengambilan 70 peratus sejak dilancarkan tahun lalu dan semua unit bukan Bumiputera habis dijual. Sambutan kukuh ini mengukuhkan keyakinan kami bahawa masyarakat hari ini mencari cara



Ling menunjukkan model projek perumahan Enlace Suites II di Pantai Sentral Park. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

kehidupan yang lebih bermakna.

"Mereka menghargai ketersambungan, kemudahan dan akses kepada kawasan hijau, yang menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian di Pantai Sentral Park," katanya.

Beliau berkata, pembangunan itu turut disokong kedudukan stesen MRT yang terletak kira-kira 260 meter dan boleh diakses menerusi jambatan penghubung terus, selain laluan pejalan kaki serta lorong basikal sedia ada.

Enlace Suites II terletak dalam pembangunan induk Pantai Sentral Park seluas 23.5 hektar, bersebelahan Taman Rimba Bukit Kerinchi seluas 102 hektar.

Siap menjelang akhir 2026

Ling berkata, taman bandar yang dibangunkan IJM Land dijangka siap menjelang akhir 2026 dan akan menjadi pintu masuk ke ka-

wasan hutan berkenaan.

Ia juga akan menyediakan laluan yang membolehkan penduduk mengakses dan menikmati persekitaran semula jadi di Taman Rimba Bukit Kerinchi.

Enlace Suites II menawarkan 290 unit kediaman berketumpatan rendah dengan keluasan antara kira-kira 506 hingga 2,034 kaki persegi.

Unit berkenaan ditawarkan dengan kelengkapan penuh dan separa berperabot, dengan susun atur menyasarkan pembeli rumah pertama, profesional muda, keluarga serta isi rumah berbilang generasi.

Beberapa unit kediaman taman dan atas bumbung turut disediakan bagi menawarkan ruang serta fleksibiliti menyerupai kediaman bertanah dalam persekitaran bangunan bertingkat.

Pembangunan itu berada dalam

Enlace, presint gaya hidup di Pantai Sentral Park yang merangkumi komponen kediaman, peruncitan, pejabat butik, kemudahan kesejahteraan dan ruang awam.

Antara komponennya ialah Enlace Shoppes, Enlace Co. yang merangkumi dua menara pejabat serta Enlace Retreat.

Ling berkata, Enlace Shoppes sudah memperoleh komitmen bagi 25 peratus ruang sewanya dan disasarkan dibuka pada 2029.

Dari segi kemudahan, Enlace Suites II menyediakan kolam renang 50 meter, kolam kanak-kanak, jakuzi, taman buaian serta ruang landskap dan rekreasi.

Pembangunan itu turut dilengkapi pintu masuk khusus dengan sistem pengawasan kamera litar tertutup (CCTV) berkuasa kecerdasan buatan (AI), selain kawasan menurunkan penumpang dan lobi persendirian.